

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (PASCA BELANJAWAN)

TARIKH: 14 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 09

Harga rumah mampu milik tinggi

KUALA LUMPUR - Kerajaan diminta mengkaji semula inisiatif Skim Pembiayaan Sewa Untuk Memiliki (RTO) yang dimasukkan dalam Belanjawan 2020 kerana harga rumah mampu milik yang ditetapkan sehingga RM500,000 dilihat



CHANG KIM LOONG

masih tinggi untuk ramai bakal pembeli.

Setiausaha Agung Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA), Datuk Chang Kim Loong berkata, walaupun ia dilihat sebagai satu langkah proaktif membuka pintu kepada lebih ramai memiliki rumah, lebih wajar sekiranya kerajaan merendahkan had harga yang ditetapkan iaitu RM500,000 kepada nilai yang lebih rendah iaitu sekitar RM300,000.

"HBA menyokong penuh tindakan kerajaan memperkenalkan RTO namun adalah lebih baik sekiranya had itu direndahkan supaya dapat meningkatkan jumlah pembeli yang akan mampu membeli rumah yang mereka sewa itu.

"Kita ambil contoh sekiranya

harga sebuah rumah sekitar RM500,000, jadi jumlah penyewa yang mampu untuk membelinya sekitar 20,000 orang. Namun jika harganya sekitar RM300,000, penyewa yang mampu membelinya boleh meningkat sekitar 33,333

orang dan ini lebih menguntungkan kerajaan dan pemaju," katanya.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2020 Jumaat lalu berkata, kerajaan akan mengadakan usaha sama dengan institusi kewangan untuk melaksanakan RTO bagi membantu mereka yang tidak mampu membayar deposit 10 peratus dan sukar mendapatkan akses pembiayaan pembelian rumah.

Melalui skim untuk pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 itu, pembiayaan sebanyak RM10 bilion akan disediakan oleh institusi kewangan dengan sokongan kerajaan melalui penyediaan jaminan sebanyak 30 peratus atau RM3 bilion. - Bernama